

BAB V

RUMUSAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Di dalam Bab V ini pengkaji akan membincangkan dapatan hasil analisis data tentang minat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil di kalangan pelajar Tingkatan Empat di kawasan Seremban. Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan sejauhmanakah minat pelajar Tingkatan Empat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Bab ini juga membincangkan cadangan-cadangan yang diharapkan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

5.1 Dapatan Kajian

5.1.1 Minat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil

Seramai 130 responden dari kalangan pelajar tingkatan empat dari lima buah sekolah di kawasan Seremban, telah menjawab soalan-soalan yang terkandung di dalam soal-selidik yang telah diedarkan.

Seramai 72.3% pelajar telah menyatakan sangat setuju dan 23.1% pelajar setuju bahawa mereka suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil. Ini bermakna 95.4% responden telah menunjukkan mereka suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil.

Seramai 36.9% pelajar telah menyatakan sangat setuju dan 38.5% pelajar setuju mereka sentiasa menunggu mata pelajaran Bahasa Tamil. Ini menjelaskan 75.4% responden menunjukkan minat mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan sentiasa menunggu mata pelajaran Bahasa Tamil.

66.9% pelajar telah menyatakan sangat tidak setuju dan 16.2% tidak setuju mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil membuang masa. Ini menjelaskan 83.1% responden mendapati mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil tidak membuang masa. Responden telah menunjukkan kecenderungan terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Seterusnya 64.6% pelajar telah menyatakan sangat tidak setuju dan 19.2% pelajar tidak setuju mata pelajaran Bahasa Tamil membosankan. Seramai 83.8% pelajar telah menunjukkan minat dan kecenderungan untuk belajar mata pelajaran Bahasa Tamil.

40.8% pelajar telah menyatakan sangat setuju dan 27.7% setuju setiap pelajar harus mempelajari Bahasa Tamil. Ini membawa kepada 68.5% pelajar yang bersetuju bahawa setiap pelajar harus mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil. Seramai 52.3% pelajar menyatakan sangat tidak setuju dan 27.7% pelajar tidak setuju tidak akan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil jika diberi pilihan.

Pengkaji mendapati responden telah memberi minat positif terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Keseluruhannya responden mempunyai tanggapan positif dan menunjukkan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

5.1.2 Minat Pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan pekerjaan bapa atau penjaga

Pengkaji mendapati ada hubungan yang signifikan antara saya suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil dengan variable pekerjaan bapa atau penjaga. Di dapati $p=0.02$ menunjukkan $p<0.05$ menjelaskan ada hubungan signifikan antara suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil dengan variable pekerjaan bapa atau penjaga. Hasil kajian menunjukkan status pekerjaan bapa atau penjaga mempengaruhi suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil. Lebih tinggi status pekerjaan bapa atau pekerja lebih rendah tahap suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil. Pelajar, bapa atau penjaga dari golongan professional tidak menunjukkan sangat setuju suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil (28.6%) berbanding dengan pelajar, bapa atau penjaga dari kategori buruh dan am (80.5%).

Tidak ada hubungan signifikan antara sentiasa menunggu mata pelajaran Bahasa Tamil ($p=0.268$, $P>0.05$), mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil membuang masa ($P=0.061$, $P>0.05$), mata pelajaran Bahasa Tamil membosankan ($P=0.151$, $P>0.05$), setiap pelajar harus mempelajari

Bahasa Tamil ($P=0.546$, $P>0.05$), dan saya tidak akan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil jika diberi pilihan ($P=0.806$, $P>0.05$) dengan pekerjaan bapa atau penjaga.

Hasil kajian keseluruhan menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan pekerjaan bapa atau penjaga. Hasil kajian ini menyokong kajian Mohamad Asri (2000) sikap pelajar-pelajar aliran teknik di Perak terhadap mata pelajaran Sejarah tidak dipengaruhi oleh pekerjaan bapa atau penjaga.

5.1.3 Minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan Empat.

Pengkaji mendapati ada hubungan yang signifikan antara saya suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil ($P=0.001$, $P<0.05$), mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil tidak penting ($P=0.01$, $P<0.05$), dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan pertengahan tahun tingkatan empat.

Hasil kajian menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara saya sentiasa menunggu mata pelajaran Bahasa Tamil ($P=0.41$, $P>0.05$) mata pelajaran Bahasa Tamil membosankan ($P=0.072$, $P>0.05$), setiap

pelajar harus mempelajari Bahasa Tamil ($P=0.214$, $P>0.05$), saya tidak akan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil jika diberi pilihan ($P=0.95$, $P>0.05$) dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan Empat.

Ini bermakna dapatan kajian ini, sebahagiannya menyokong dapatan Mohamad Asri (2000) dan Bolton (1937) yang mendapati sikap tidak ada kaitan dengan pencapaian mata pelajaran Sejarah atau kalau adapun kaitannya terlalu rendah. Dapatan kajian ini menyokong dapatan Mohamad Asri (2000) di mana sebahagiannya amat bertentangan dengan dapatan Rallison (1939), Jordon (1940), Rammer dan Gage (1943), McGehee (1957), Kcintosh dan Evan (1968), Adams (1962), Morrison dan McIntyre (1971) dan Adnan (1980) yang telah membuktikan bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah mempunyai pertalian yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan mata pelajaran tersebut. (Mohamad Asri, 2000, 97)

Pengkaji mendapati minat terhadap mata pelajaran sebahagian besar tidak ada hubungan signifikan dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan Empat.

5.1.4 Minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan buku teks Bahasa Tamil Tingkatan Empat.

Hasil kajian menunjukkan ada hubungan yang signifikan antara saya suka belajar mata pelajaran bahasa Tamil ($P=0.00$, $P<0.05$), saya sentiasa menunggu mata pelajaran Bahasa Tamil ($P=0.00$, $P<0.05$), dan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil membuang masa ($P=0.00$, $P<0.05$), Mata pelajaran Bahasa Tamil membosankan ($p=0.00$, $p<0.05$), setiap pelajar harus mempelajari Bahasa Tamil ($P=0.00$, $P>0.05$), dan saya tidak akan mempelajari mata pelajaran bahasa Tamil jika diberi pilihan ($P=0.004$, $P<0.05$), dengan ilustrasi yang terdapat dalam buku teks membantu pembelajaran mata pelajaran Bahasa Tamil.

Pengkaji mendapati ada hubungan yang signifikan antara saya suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil ($P=0.031$, $P<0.05$) saya sentiasa menunggu mata pelajaran Bahasa Tamil ($P=0.01$, $P<0.05$), mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil membuang masa ($P=0.010$, $P<0.05$), dengan pelbagai warna yang menarik dalam buku teks membantu pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara mata pelajaran bahasa Tamil membosankan ($P=0.508$, $P>0.05$), setiap pelajar harus mempelajari Bahasa Tamil ($P=0.06$, $P>0.05$), dan saya tidak akan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil jika diberi pilihan ($P=0.08$,

$P > 0.05$) dengan pelbagai warna yang menarik dalam buku teks membantu pengajaran.

Dapatan kajian menunjukkan ada hubungan yang signifikan antara saya suka belajar mata pelajaran Bahasa Tamil ($P = 0.00$, $P < 0.05$), saya sentiasa menunggu mata pelajaran Bahasa Tamil ($P = 0.011$, $P < 0.05$), mata pelajaran Bahasa Tamil membosankan ($P = 0.05$, $P < 0.05$), dan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil membuang masa ($P = 0.001$, $P < 0.05$), mata pelajaran Bahasa Tamil membosankan ($P = 0.05$, $p < 0.05$), dengan buku teks tidak akan membantu saya menyukai mata pelajaran Bahasa Tamil. Pengkaji dapati tidak ada hubungan signifikan antara setiap pelajar harus mempelajari Bahasa Tamil ($P = 0.06$, $P > 0.05$), saya tidak akan mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil jika diberi pilihan ($P = 0.08$, $P > 0.05$) dengan buku teks tidak akan membantu saya menyukai mata pelajaran Bahasa Tamil.

Menurut Kuljit Kaur (1998), pembentukan sikap dan minat terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas dapat ditimbulkan oleh sebuah buku teks yang baik. Melalui kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, memang ilustrasi dan pelbagai warna yang menarik memang menarik minat pelajar yang menjadi sampel kajian. Pengkaji sependapat dengan Kuljit Kaur (1998) yang telah mengemukakan pendapat Greene dan Petty (1956) dalam kajian beliau,

iaitu, ilustrasi yang berwarna dan menarik dalam buku teks dapat menambahkan minat membaca.

5.2 Implikasi Kajian

Implikasi kajian akan dibincangkan menerusi beberapa aspek yang berikut, iaitu:-

5.2.1 Implikasi kepada pihak sekolah

Pihak pentadbir sekolah seharusnya memberikan layanan dan kemudahan yang adil dan saksama sepertimana yang diberikan kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengetua, Guru Penolong Kanan I, Ketua Bidang bahasa dan Ketua Panitia Bahasa Tamil harus menyelia, mengawasi dan merancang perancangan dan pengajaran Bahasa Tamil.

Diharapkan hasil kajian ini akan mendedahkan dan menyedari hakikat sebenar proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah-sekolah. Pihak sekolah akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan dalam pengajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah.

5.2.2 Implikasi kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) harus menyelia dan mengawasi di peringkat implikasi dan peraturan kementerian.

Pihak Bahagian Buku teks, Kementerian Pelajaran Malaysia digalakkan menerbitkan buku teks yang menarik minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Tamil. Buku teks harus mengandungi ilustrasi yang menarik serta berwarna-warni supaya pelajar tidak akan bosan terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

Pengambilan guru-guru POL untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah perlu diawasi oleh KPM. KPM harus memastikan hanya guru yang berkelayakan akademik dan professional yang perlu dilantik untuk mengajar POL di sekolah menengah.

5.2.3 Implikasi kepada guru-guru Bahasa Tamil.

Guru-guru adalah pendorong utama kepada pelajar untuk terus memajukan diri dalam akademik dan sahsiah. Guru-guru Bahasa Tamil perlu melengkapkan diri dengan ilmu yang diperlukan untuk menjadi guru yang profesional. Hanya seorang guru yang berilmu pengetahuan dalam Bahasa Tamil yang mendalam dapat menarik pelajar ke arah mempelajari Bahasa Tamil. Justeru itu pelajar akan menilai tahap penguasaan bahasa dan ilmu seseorang guru Bahasa Tamil dalam mata pelajaran Bahasa Tamil.

Seorang guru Bahasa Tamil harus menyedari hakikat bahawa dalam satu kelas terdapat pelajar yang datang dari pelbagai latar belakang sosio-ekonomi. Guru Bahasa Tamil perlu merancang pengajaran dan

pembelajaran supaya aktiviti pada hari tersebut sesuai dengan masa, keadaan bilik darjah dan situasi pelajar. Guru-guru Bahasa Tamil perlu memotivasikan pelajar-pelajar untuk terus belajar Bahasa Tamil. Guru-guru POL digalakkan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Tamil di sekolah. Dengan ini hubungan silaturahmi dapat dijalinan. Tidak ketinggalan, guru-guru POL dengan kebenaran pihak sekolah boleh menubuhkan Persatuan Bahasa Tamil dan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan Bahasa Tamil.

5.3 Cadangan-cadangan

Dapatan kajian ini telah menunjukkan beberapa kelemahan dan kekurangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah. Berdasarkan hasil kajian cadangan-cadangan yang berikut adalah disyorkan.

Kelas-kelas Bahasa Tamil dari tingkatan peralihan hingga ke tingkatan enam harus diadakan dalam jadual waktu. Kelas-kelas Bahasa Tamil dijalankan sama seperti mata pelajaran lain. Dengan ini, pelajar-pelajar tidak akan mempunyai alasan untuk tidak hadir kelas Bahasa Tamil. Kelas-kelas Bahasa Tamil harus dimulakan apabila bermulanya sesi persekolahan dan guru-guru yang berkelayakan dari segi akademik dan latihan perguruan perlu dilantik untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil. Pihak sekolah disyorkan dapatkan guru Bahasa Tamil sepenuh masa.

Pihak sekolah perlu melengkapkan perpustakaan di sekolah dengan buku-buku Bahasa Tamil yang menarik dan secukupnya. Setiap sekolah dibenarkan menubuhkan persatuan Bahasa Tamil dan mengadakan aktiviti-aktiviti berkaitan Bahasa Tamil. Pihak sekolah harus memastikan Panitia Bahasa Tamil berjalan dengan lancar.

Pihak Jabatan Pendidikan negeri, Jabatan pendidikan daerah dan Jemaah Nazir sekolah perlu menyelia dan mengawasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah. Penolong Pengarah Bahasa Tamil disyorkan memainkan peranan penting dalam menganjurkan aktiviti tahunan meningkatkan profesionalisme guru-guru Bahasa Tamil. Beliau juga dikehendaki merancang strategik meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar Bahasa Tamil di sekolah menengah.

Pihak penerbit buku digalakkan menerbitkan pelbagai buku kerja dan buku ulangkaji dalam Bahasa Tamil untuk pelajar-pelajar Bahasa Tamil di sekolah menengah. Pada masa kini, sumber rujukan dan gerak kerja adalah terhad untuk mata pelajaran Bahasa Tamil. Justeru itu, pihak penerbit diminta menerbitkan pelbagai buku aktiviti Bahasa Tamil.

5.4 Cadangan penyelidikan lanjut

Kajian-kajian selanjutnya perlu dijalankan dalam bidang yang berkaitan untuk melihat secara terperinci faktor-faktor yang menggalakkan minat yang positif terhadap Bahasa Tamil.

Di samping itu, kajian selanjut perlu dijalankan untuk mengkaji kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah menengah.

5.5 Penutup

Pada keseluruhannya kajian ini telah menunjukkan bahawa minat pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap Bahasa Tamil adalah positif. Perhatian dan tindakan yang sewajarnya harus diambil supaya murid-murid sekolah rendah kebangsaan Tamil (SJKT) mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Selanjutnya langkah-langkah meningkatkan mutu pencapaian Bahasa Tamil perlu diberi perhatian khas.